

Pada Hari Raya ramai kaum lelaki memakai baju Melayu dan mereka kelihatan amat _____.

- A cantik
- B hodoh
- C tampan
- D comot

Kura-kura telah kalah dalam pertandingan itu kerana ia bergerak amat _____.

- A deras
- C perlahan
- B laju
- D pantas

Buah cempedak itu sudah _____ kerana telah dimakan ulat.

- A hodoh
- B layu
- B lemau
- D busuk

Sebaik-baik sahaja tiba di rumah, _____ dimarahi bapanya kerana bermain hujan sehingga basah kuyup.

- A dia
- B beliau
- C mereka
- D kalian

"Kedatangan _____ ini besar hajatnya," kata Mak Limah kepada Datuk Temenggung.

- A saya
- B hamba
- C patik
- D pancar

Orang ramai _____ oleh Menteri Kebajikan Masyarakat supaya menghulurkan bantuan kepada rumah-rumah amal.

- A dipujuk
- B dipaksa
- C diseru
- D diarah

Kehidupan petani di kawasan itu akan terus jika kemarau masih berlanjutan.

- A tersekat
- B terkandas
- C terhimpit
- D terbantut

Perdana Menteri akan mengadakan lawatan ke negara Jepun

- A singkat
- B sekejap
- C seketika
- D sebentar

Apabila mendengar penjelasan daripada gadis itu tuan hakim diam

- A. terpaku
- B. termenung
- C. terharu
- D. tercengang

Pak Tua tidak dapat meneruskan perjalanannya lalu _____ di atas anak tangga sebuah pondok di tepi hutan.

- A. bercangkung
- B. bertenggek
- C. bertinggung
- D. bertanjak

Adik Lina _____ buyung yang berisi air lalu meletakkannya di bendul dapur.

- A. mengelek
- B. membibit
- C. menatang
- D. menjinjing

Keruntuhan moral di kalangan remaja pada masa ini amat sukar _____

- A. dibelunggu
- B. dibendung
- C. dikongkong
- D. disingkir

Walaupun telah berunding selama lima jam, mereka masih belum mendapat _____ bagi menyelesaikan masalah yang rumit itu.

- A jalan keluar
- B jalan belakang
- C jalan pintas
- D jalan tengah

Sultan Mahmud sedang bersantap . _____ suka makan ikan dengan kuah Asam.

- A. Baginda
- B. Mereka
- C. Dia
- D. Beliau

Buku cerita yang baru diterbitkan itu sesuai _____ kanak- kanak berusia tujuh tahun.

- A. daripada
- B. kepada
- C. untuk
- D. dari

Air Sungai Pahang menjadi _____ selepas hujan lebat pada petang semalam.

- A. gelap
- B. keruh
- C. jernih
- D. kabur

. _____ penduduk kampung diarahkan berpindah ke kawasan perumahan yang baru dibina.

- A. Setiap
- B. Segala
- C. Semua
- D. Setengah

Ai Ling memakai _____ semasa mengikuti kelas renang.

- A. baju sukan
- B. baju renang
- C baju kemeja
- D. baju hujan

Siew Ling makan buah tembikai _____ makan nasi.

- A. lalu
- B. sambil
- C. selepas
- D. sementara

Keterangan saksi kes rompakan itu _____ dan mengelirukan hakim.

- A. bersusun-susun
- B. berduyun-duyun
- C. berbelit-belit
- D. bertolak-tolak

" _____ , ambil tuala ini dan pergi mandi sekarang juga !" kata Puan Eng kepada anaknya.

- A. Nah
- B. Cih
- C. Eh
- D. Amboi

Pak Cik Koh _____ untuk menyara keluarganya yang sebanyak lapan orang itu .

- A. mandi peluh
- B. mandi kerbau
- C. titik peluh
- D. buah tangan

Ayah tidak suka _____ dalam pergaduhan antara saya dengan kakak.

- A. cepat tangan
- B. ringan tulang
- C. bekas tangan
- D. campur tangan

Penjual sate itu telah membakar beberapa _____ sate ayam dan daging.

- A. batang
- B. cawan
- C. cucuk
- D. cebis

Zamri bagai _____ semasa berada di Hotel Hilson untuk menghadiri majlis minum petang anjuran syarikatnya.

- A. rusa masuk kampung
- B. kacang lupakan kulit
- C. ayam berak kapur
- D. telur di hujung tanduk

Lori itu mengalami _____ kerana dilanggar oleh sebuah bas dari arah belakang.

- A. merosakkan
- B. kerosakan
- C. dirosakkan
- D. terosakkan

Aktiviti _____ di tempat terbuka menyebabkan berlakunya pencemaran udara.

- A. pembakaran
- B. kebakaran
- C. dibakar
- D. terbakar